

Kaunter Perpustakaan berwajah baru!

Kaunter Perpustakaan HUKM telah berwajah baru bermula Oktober 2006. Kaunter baru ini telah dinaiktaraf bagi memberikan perkhidmatan yang lebih efektif dan cekap kepada pengguna perpustakaan. Kaunter baru ini merangkumi 2 kaunter utama iaitu Kaunter Pinjaman dan Pemulangan Bahan yang dikhususkan untuk memberi perkhidmatan pinjaman dan pemulangan bahan perpustakaan, dan pembayaran perkhidmatan perpustakaan. Manakala kaunter kedua ialah Kaunter Khidmat Pelanggan yang khusus dalam memberikan khidmat nasihat rujukan dan pencarian maklumat, semakan akaun pelanggan, penggunaan makmal multimedia, stesen cetak, mesin fotokopi dan khidmat bantuan kepada sebarang masalah penggunaan dan perkhidmatan Perpustakaan. Oleh yang demikian, pihak Perpustakaan HUKM mengharapkan agar Kaunter Perpustakaan yang baru ini akan dapat memberikan perkhidmatan perpustakaan yang lebih berkualiti selaras dengan misi dan visi UKM.

Oleh: Azlan Mohamad Hamzah

Ruang bacaan 24 jam

Ruang laluan kaki lima ke Perpustakaan HUKM telah mula beroperasi mulai awal September. Ruang ini dilengkapi dengan 6 buah meja baca dan 28 meja karek. Ruang ini dibuka 24 jam dan bertujuan memberi kemudahan tempat membaca dan mengadakan perbincangan bila-bila masa walaupun setelah waktu perpustakaan ditutup. Ruang ini juga akan dilengkapi dengan hawa dingin apabila tender hawa dingin siap di tender oleh HUKM. Oleh kerana pencahayaan di ruang tersebut kurang terang terutama pada waktu malam lebih banyak lampu akan ditambah. Perpustakaan juga telah memohon kepada Jabatan Pengurusan Bangunan untuk menambah 'plug point' bagi kegunaan 'notebook'. Mulai Oktober 2006, Perkhidmatan WiFi telah dipasang secara dalam percubaan sehingga Disember 2006. Perkhidmatan WiFi membolehkan pengguna perpustakaan mengakses Portal Perpustakaan selepas waktu penutupan perpustakaan. Ruang ini juga bertujuan memberi kemudahan dimana pengguna perpustakaan dapat mengadakan perbincangan dan sememangnya ruang ini adalah tempat dimana pengguna boleh berbincang serta bebas makan dan minum. Walaubagaimanapun adalah diharapkan kebersihan dapat diberi keutamaan oleh semua pengguna.



Oleh: Maimunah Kadir

Isu Keluaran ini...**Mukahadapan**

- ~ Kaunter Perpustakaan berwajah baru! 1
- ~ Ruang Bacaan 24 Jam 1

Aktiviti Perpustakaan

- ~ Majlis Penyerahan Buku Hospital Teluk Intan 2
- ~ Lawatan Sambil Belajar ke Sabah 2
- ~ Hari Mesra Pelanggan 2

Perkhidmatan

- ~ Pangkalan Data baru
 - McGraw-Hill's Access Medicine 3
 - Thieme : Electronic Book Library 3
- ~ Ulasan Buku 3
- ~ Portal Perpustakaan 3
- ~ Buku Baru/Senarai E-Book 3

Berita Kakitangan

- ~ Majlis menyambut kedatangan Ramadhan 4
- ~ Pertukaran & Pelantikan 4
- ~ Perkahwinan & kelahiran anak 4
- ~ Latihan & Seminar 4
- ~ Wacana Program Latihan Perpustakaan 4
- ~ Latihan Sangkut (Attachment) 4
- ~ Cuti belajar 4
- ~ Anugerah & Penghargaan 4
- ~ Kuiz Kakitangan 4

Sidang Redaksi**Penasihat**

Maimunah Kadir

Sidang Pengarang

Azlan Mohamad Hamzah
Mariati Embong
Wan Suhaimi Ariffin
Jamaludin Abdul Samad
Roslan Manan

Grafik/Layout

Khairul Azmi Talkili
Rusiah Husin
Surimah Zakaria Affi

Waktu Pembukaan / Penutupan Perpustakaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 10.00 malam
Sabtu 9.00 pagi - 2.00 petang

*** Tutup pada hari Ahad, Sabtu Minggu pertama dan hari kelepasan am.**

Kata-kata Hikmat**Tentang Waktu**

Ambillah waktu untuk berfikir,
itu adalah sumber kekuatan.
Ambillah waktu untuk bermain,
itu adalah rahsia dari masa muda yang abadi.
Ambillah waktu untuk berdoa,
itu adalah sumber ketenangan.
Ambillah waktu untuk belajar,
itu adalah sumber kebijaksanaan.
Ambillah waktu untuk mencintai dan dicintai,
itu adalah hak istimewa yang diberikan Tuhan.
Ambillah waktu untuk bersahabat,
itu adalah jalan menuju kebahagiaan.
Ambillah waktu untuk tertawa,
itu adalah musik yang menggetarkan hati.
Ambillah waktu untuk memberi,
itu adalah membuat hidup terasa bererti.
Ambillah waktu untuk bekerja,
itu adalah nilai keberhasilan.
Ambillah waktu untuk beramal,
itu adalah kunci menuju syurga.

Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

Tingkat 3, Kompleks Pendidikan Perubatan
Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel: 03-91733333 ext:3504
Fax: 03-91738610



~ Aktiviti Perpustakaan ~

Majlis Penyerahan Buku Daripada HUKM kepada Hospital Teluk Intan



Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Sukiman Sarmani, menyerahkan buku kepada Pengarah Hospital Teluk Intan, Y.Bhg. Dr. Krishna Kumar

Pada 5 Mei 2006 telah diadakan Majlis Penyerahan Buku daripada HUKM kepada Hospital Teluk Intan. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Sukiman Sarmani, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyerahan tersebut telah disampaikan kepada Y. Bhg. Dr. Krishna Kumar, Pengarah Hospital Teluk Intan. Sejumlah 72 judul dan 87 naskhah buku-buku teks bidang klinikal telah diserahkan pada majlis penyerahan buku tersebut.

Perpustakaan Hospital UKM telah diberi peruntukan sebanyak RM20,000.00 pada 2005 oleh Perpustakaan Induk UKM khusus untuk pembelian buku teks bidang klinikal dan ditempatkan di Pusat Sumber Hospital Teluk Intan. Justeru, Majlis Penyerahan buku ini akan membantu menambah koleksi Pusat Sumber Hospital Teluk Intan. Disamping itu pelajar-pelajar tahun lima, Fakulti Perubatan UKM juga dapat merujuk kepada buku-buku teks tersebut kerana jarak mereka di Teluk Intan menyukarkan mendapat bahan rujukan buku teks dari Perpustakaan HUKM. Sumbangan ini juga sebagai ucapan terima kasih di atas kerjasama Hospital Teluk Intan dari segi melatih pelajar-pelajar Fakulti Perubatan.

Melawat Pameran Buku-buku yang diserahkan oleh HUKM



Lawatan Sambil Belajar ke Sabah



Peserta bergambar di Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Perpustakaan HUKM telah menganjurkan satu lawatan sambil belajar ke Kota Kinabalu Sabah pada 21 – 24 Jun 2006. Lawatan sambil belajar ini telah dilakukan ke tiga buah institusi iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Awam Negeri Sabah (PANS) & Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah. Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada 13 orang daripada kakitangan Perpustakaan HUKM, 4 orang kakitangan Perpustakaan Tun Seri Lanang dan 3 orang kakitangan Perpustakaan Dr Abdul Latiff, Kampus Kuala Lumpur telah mengikuti lawatan tersebut.

Objektif lawatan adalah untuk memberi pendedahan dan dapat membuka minda serta menjana idea mengenai kemudahan, aktiviti dan perkhidmatan perpustakaan terkini, menjalinkan kerjasama dan perkongsian maklumat dengan perpustakaan lain dan untuk melihat kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan lain bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan Perpustakaan UKM.

Peserta bergambar di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Sabah



Hari Mesra Pelanggan 2006



Jumble Sale

Perpustakaan HUKM telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan sempena kempen membaca 2006 pada 20 September 2006 sebagai salah satu usaha untuk mendekati pelanggan bagi mendapatkan maklumbalas dan cadangan. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah pengecualian denda bagi buku tamat tempoh yang dipulangkan pada Hari Bersama Pelanggan sahaja, semakan akaun, pengurangan denda (tertakluk kepada terma dan syarat), penjualan buku dan Jualan Murah (Jumble Sale).

Sambutan yang diberikan oleh pelanggan pada hari tersebut adalah baik dan terdapat pelanggan perpustakaan mencadangkan supaya program tersebut dapat diadakan pada masa-masa yang akan datang.

Pelanggan sedang memberikan cadangan di Kaunter Hari Mesra Pelanggan



~ Perkhidmatan Perpustakaan ~

Pangkalan Data baru - McGraw-Hill's Access Medicine & Thieme : Electronic Book Library



McGraw-Hill's AccessMedicine.com adalah sumber atas talian yang menyediakan para pelajar, doktor, pakar perubatan dan penyelidik kepada jawapan bagi soalan-soalan klinikal dan perubatan dengan cepat dan berkesan daripada sumber-sumber yang amat dipercayai. Pangkalan data AccessMedicine menyediakan ilmu dan perkembangan perubatan yang terkini daripada para doktor dan pakar perubatan yang diiktiraf. Ia juga menyediakan maklumat dan sumber digital daripada peralatan PDA, iPod dan MP3.


Sumber-sumber yang disediakan oleh pangkalan data AccessMedicine adalah dikemaskini setiap hari oleh pakar-pakar perubatan yang diiktiraf dunia. Dengan itu, ia dapat menyediakan akses secara terus kepada maklumat penilaian, diagnosis, keputusan kes perubatan, maklumat penyelidikan, pendidikan perubatan, 'self-assessment' dan 'board review'. AccessMedicine juga menyediakan pelbagai koleksi e-books melebihi 30 tajuk antaranya *Harrison's Principles of Internal Medicine* dan *Current Medical Diagnosis & Treatment 2006*. Maklumat tentang drugs (ubat), imej perubatan, panduan, pendidikan pesakit (maklumat tentang penyakit) dan berita kesihatan juga dapat diperolehi dalam pangkalan data ini. Untuk mengakses pangkalan data ini sila ke Portal Perpustakaan HUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) dan sila klik pada pautan Pangkalan Data Langganan/subscribed Databases, seterusnya klik pada pautan McGraw-Hill's AccessMedicine.com. Sila gunakan id dan password yang disediakan.

Thieme ElectronicBook Library merupakan pangkalan data yang menyediakan koleksi e-books melebihi 30 judul e-books antaranya siri Flexibook Atlases and Textbooks Series, koleksi rujukan dalam bidang perubatan dan sains kesihatan yang diiktiraf dan dipercayai oleh para pelajar, pakar perubatan dan kesihatan seluruh dunia. Antara tajuk koleksi e-books tersebut ialah *Clinical Test for the Musculoskeletal System*, dan *Color Atlas of Biochemistry*. Untuk mengakses pangkalan data ini sila ke Portal Perpustakaan HUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) dan sila klik pada pautan Pangkalan Data Langganan/subscribed Databases, seterusnya klik pada pautan Thieme ElectronicBook Library.

Ulasan Buku Perpustakaan HUKM

Chart Smart: The A-to-Z Guide to Better Nursing by Springhouse

Edition : 2nd ed.
ISBN: 1582559872
Call No. : 9HUKM WY100.5.C4867 2007



Book Description:

This portable handbook shows nurses in all practice settings exactly what to document in any situation. Nearly 300 alphabetically organized entries cover diseases, emergencies, procedures, legal and ethical problems, and difficult situations involving patients, families, and other health care professionals.

Sila akses <http://gemilang.ukm.my> untuk mengetahui status buku diatas.

Portal Perpustakaan (<http://lib.hukm.ukm.my>)



Portal Perpustakaan HUKM merupakan sebuah gerbang Internet yang menawarkan pelbagai sumber dan perkhidmatan Perpustakaan Hospital UKM dalam sebuah Laman Web. Portal ini membolehkan pengguna mengakses kepada enjin pencarian maklumat, sumber elektronik seperti

pangkalan data langganan, multimedia dan E-books serta perkhidmatan elektronik yang ditawarkan oleh perpustakaan seperti Pinjaman antara Perpustakaan, Permohonan Pembekalan Dokumen, Cadangan Buku Baru dan sebagainya. Portal ini boleh diakses dengan menggunakan ID pengguna dan kata laluan sendiri yang diperolehi dengan mendaftar dalam borang pendaftaran elektronik yang disediakan oleh Portal Perpustakaan HUKM. Sebarang kemusykilan tentang Portal Perpustakaan HUKM, sila hubungi Azlan Mohamad Hamzah, Pustakawan Perpustakaan HUKM di talian 03-91702511 atau email: lanzmm@mail.hukm.ukm.my

Senarai E-Books Pangkalan Data Access Medicine

Basic Science			
No.	Subject	Title	Author
1.	Biochemistry	Harper's Illustrated Biochemistry, 27 E	Murray
2.	Biostatistics	Basic & Clinical Biostatistics, 4 E	Dawson
3.	Cardiovascular Physiology	Cardiovascular Physiology, 6 E	Mohrman
4.	Endocrine Physiology	Endocrine Physiology, 2 E	Molina
5.	Epidemiology	Medical Epidemiology, 4 E	Greenberg
6.	Gastrointestinal Physiology	Gastrointestinal Physiology	Barrett
7.	Health Policy	Understanding Health Policy: A Clinical Approach	Bodenheimer
8.	Histology	Basic Histology: Text and Atlas, 11 E	Junqueira and Carneiro
		Histology Image Review	Wilson
9.	Microbiology	Jawetz, Melnick, & Adelberg's Medical Microbiology, 23 E	Brooks
10.	Neuroanatomy	Clinical Neuroanatomy, 25 E	Waxman
11.	Pathology	Concise Pathology, 3 E	Chandrasoma and Taylor
12.	Pathophysiology	Pathophysiology of Disease, 5 E	McPhee
13.	Pharmacology	Basic & Clinical Pharmacology, 9 E	Katzung
14.	Physiology	Review of Medical Physiology, 22 E	Ganong
15.	Renal Physiology	Vander's Renal Physiology, 6th E	Eaton

* Senarai tajuk e-books yang lain boleh diakses melalui Pangkalan Data Access Medicine di Portal Perpustakaan HUKM.



Majlis Menyambut kedatangan Ramadhan

Satu majlis doa selamat telah diadakan pada 22 September 2006 bersempena menyambut kedatangan Ramadhan Al-Mubarak. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Puan Putri Saniah, Puan Ramlah dan juga En. Hazmir. Disamping itu, majlis ini juga diadakan bersempena sambutan hari lahir kakitangan PHUKM. Acara memotong kek telah disempurnakan oleh Puan Maimunah Kadir. Pelbagai juadah telah disajikan, antaranya ialah nasi beriani, sate, kurma, kek serta buah-buahan.

~ Ramadhan: Kehadiranmu dinanti, pemergianmu ditangisi ~

Pertukaran & Pelantikan

- Jan 06 - En. Jamaludin Abdul Samad telah dinaikan pangkat pada 28 September 2005 sebagai Pembantu Perpustakaan Kanan S22 dan ditukarkan dari Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, PHUKM ke Bahagian Pembangunan Sumber Maklumat, PHUKM pada 1 September 2006.
- 10 Julai 06 - Cik Mariati Embong telah bertukar dari Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan, PTSL ke Bahagian Katalog, PHUKM.
- September 06 - En. Roslan Manan telah dinaikan pangkat sebagai Pembantu Perpustakaan Kanan S22 dan ditukarkan dari Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, PTSL ke Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, PHUKM
- Permindahan Bahagian Jurnal ke Bahagian Pembangunan Sumber Maklumat bermula pada 13 November 2006. Sebarang urusan berkaitan Jurnal sila berhubung ditalian sambungan 3507.

Perkahwinan & kelahiran anak

- En. Khairul Azmi Talkili dan pasangannya Nurmazlina Mazlan telah melangsungkan perkahwinan mereka pada 27 Januari 2006 yang lalu. Semoga berbahagia ke akhir hayat.
- En Mohd Afandi Hashim dan pasangannya Rohaida Ibrahim telah melangsungkan perkahwinan mereka pada 18 Ogos 2006 yang lalu. Semoga berbahagia ke akhir hayat.
- Puan Surimah Zakaria Affi telah selamat melahirkan anak lelaki pada 26 September 2006 yang lalu. Semoga kehadiran cahayamata ini akan menambahkan lagi keceriaan dalam keluarganya.
- Puan Diyana Hamdi telah selamat melahirkan anak perempuan pada 23 Oktober 2006 yang lalu. Semoga kehadiran cahayamata ini akan menambahkan lagi keceriaan dalam keluarganya.

Latihan & Seminar

- Puan Maimunah Kadir dan Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman telah membentang kertas kerja bertajuk 'Management of Electronic Resources : Practices Among Academic Libraries in Malaysia' di CONSAL XIII (Congress of South East Asian Librarian) di Manila, Philippines, 25 - 30 Mac 2006.



- En. Azlan Mohamad Hamzah telah mengikuti Seminar Perpustakaan Perubatan dan Ovid User Group Meeting di Beijing, China pada 11 - 17 April 2006.

- En. Wan Suhaimi Ariffin telah mengikuti latihan "Staff Development, Training and Attachment Programme – creating a library of the future" di University of Queensland, Australia pada 16 Jun - 1 Julai 2006



- Puan Maimunah Kadir telah menghadiri World Library and Information Congress (WLIC) pada 18 - 26 Ogos 2006 di Seoul, Korea Selatan dengan pembiayaan Persatuan Pustakawan Malaysia.



Latihan Sangkut (Attachment) dari Luar Negara



- Perpustakaan HUKM telah mengadakan Program Latihan Sangkut (Attachment program) kepada Ibu Retno iaitu Pustakawan dari Universitas Indonesia pada 3 - 7 April 2006. Latihan merangkumi Proses Perolehan, Pengkatalogan, Perkhidmatan Maklumat dan Khidmat Pelanggan Perpustakaan.

Wacana Program Latihan Perpustakaan UKM

Wacana Program Latihan Perpustakaan telah diadakan pada 7 November 2006 bertempat di Ruang Serbaguna, PTSL, Bangi. Wacana telah dianjurkan oleh QIT Latihan dan dihadiri oleh semua pustakawan UKM. Wacana tersebut merupakan satu ruang bagi para pustakawan untuk merakamkan pengalaman yang diperolehi daripada sesuatu program latihan, cuti belajar dan kursus-kursus yang telah dihadiri. Wacana ini juga merupakan satu usaha untuk penyebaran maklumat ke arah membuka minda dan melatih pembangunan sendiri pustakawan terutama dalam aspek pengucapan awam.

Pada wacana tersebut, En Azlan Mohamad Hamzah telah membentangkan OVID User Group Meeting dan Seminar Perpustakaan Perubatan, sementara En Wan Suhaimi Ariffin membentangkan Staff Development Training and Attachment di University of Queensland.

Cuti Belajar

- Untuk makluman, En. Hazmir Hj. Zainal telah bercuti belajar dari Julai 2006 untuk tempoh 2 tahun. Tugas-tugasnya telah diambil alih oleh En. Azlan Mohamad Hamzah.

Anugerah & Penghargaan

- Puan Umi Kalsom Shuib dan En. Mohd Afandi Hashim telah terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada Hari Anugerah Kualiti yang telah diadakan di Auditorium HUKM baru-baru ini. Semoga mereka akan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.
- En. Shaari Barmawi telah menerima Anugerah 30 tahun perkhidmatan. Beliau akan menunaikan ibadah haji pada Disember 2006 ini. Semoga beliau mendapat haji yang mabrur. Amin...

Kuiz Kakitangan

Pada 12 September 2006, Perpustakaan Tun Seri Lanang telah menganjurkan Kuiz Kakitangan bersempena dengan Kempen Membaca. Perpustakaan HUKM telah diwakili oleh Roslinda, Jamaludin, Khairul Azmi dan Noraini. Dalam pertandingan tersebut, wakil dari Bahagian Media, PTSL telah menjadi johan. Walaupun tidak mendapat sebarang tempat, namun peserta dari Perpustakaan HUKM telah menunjukkan semangat bertanding dan berpasukan yang baik dalam pertandingan tersebut.